


**Jilid 1
Bil. 62**



**Hari Rabu
12hb November, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6977]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 7000]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7002]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7002]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 12hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HAPUSKAN RASUAH

1. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan melancarkan suatu kempen di seluruh negara untuk menghapuskan rasuah, jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang serupa ini pada 10hb November, 1975.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada banyak sungutan-sungutan mengenai kelewatan atau kelambatan dalam siasatan Biro Siasatan Negara (B.S.N.) dan baru-baru ini terdapat kes Yang Berhormat Menteri Besar Selangor sendiri. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mempercepatkan siasatan NBI supaya semua kes-kes rasuah boleh diambil tindakan yang sewajarnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pihak Biro Siasatan Negara adalah menjalankan tugas dengan seberapa yang boleh, tetapi menjalankan siasatan satu-satu kes itu selalunya mengambil masa dan terpaksa disiasat dengan halus.

PASARAN MINYAK PETROLIAM

2. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menerangkan akibat kepada Malaysia kenaikan harga minyak oleh OPEC, dan samada beliau sedar jika harga minyak di tanahair kita dinaikkan, akibatnya akan menjadi serious.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang memerhatikan perkembangan dalam pasaran minyak petroliaam berikutan dari keputusan OPEC menaikkan harga minyak mentah sebanyak 10% baru-baru ini. Pada masa sekarang tiada ada persamaan dalam kenaikan harga minyak di kalangan ahli-ahli OPEC dan harga-harga

pasaran yang sebenarnya belum lagi dapat dipastikan. Harga rasmi minyak Minas Indonesia, misalnya, hanya dinaikkan sebanyak 1.6%, Arab Heavy 9.5% dan Kuwait 10%.

Kerajaan juga sedang memerhatikan harga-harga minyak petroliaam dan hasil-hasil yang diimpot untuk ditapis dan digunakan di negara ini. Sehingga ini syarikat-syarikat minyak belum lagi dapat memberi kenaikan harga-harga minyak petroliaam dan hasil-hasil petroliaam yang mereka impot dengan pasti. Dengan demikian, akibat ke atas ekonomi Malaysia, samada kepada pengguna ataupun untuk perusahaan dan perdagangan belumlah dapat dipastikan lagi. Kerajaan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Harga Minyak Petroliaam untuk mengkajinya dan hasil kajian ini serta perakuannya akan ditimbangkan oleh Kerajaan dan saya suka lah memberi akuan di sini bahawa Kerajaan akan berusaha untuk mengurangkan seberapa boleh kesan buruk ke atas ekonomi negara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa bukan sahaja minyak yang diimpot ke negeri ini bahkan harga minyak yang dinaikkan oleh negara-negara OPEC juga akan menyebabkan harga barang-barang yang diimpot ke negara kita daripada Amerika Syarikat, Jepun, Eropah dan sebagainya akan dinaikkan. Oleh itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apakah tindakan Kerajaan akan mengambil bukan tentang minyak mentah yang diimpot tetapi barang-barang yang diimpot pada tahun yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini samada dengan keputusan negara-negara OPEC menaikkan harga minyak samada negara kita akan menaikkan harga crude oil kita dan keuntungan yang kita anggarkan akan dapat daripada perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa perkara ini sedang dalam kajian Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali saya salah faham. Saya dapat tahu apa yang dalam kajian ialah mengenai harga minyak untuk kegunaan domestic iaitu harga disel dan petrol. Adakah Jawatankuasa yang mengkaji perkara ini mengkaji samada kenaikan harga crude oil yang dikeluarkan, yang di-ekspot dan yang dijual.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab sebab kajian itu meliputi semua, bukan minyak yang masuk sahaja bahkan minyak mentah yang keluar pun serupa juga.

PETRONAS—PERJANJIAN MENCARIGALI MINYAK

3. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada semua negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah telah menandatangani perjanjian dengan PETRONAS untuk mencari-gali minyak di sepanjang pantai dan samada perjanjian tersebut mengandungi apa-apa syarat dan kepentingan bersama. Nyatakan juga keuntungan bersama yang akan diterima oleh tiap-tiap negeri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di Malaysia, melainkan Sabah dan Selangor, telah menandatangani perjanjian dengan PETRONAS sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Kemajuan Petrolia, 1974. Saya diberitahu Kerajaan Negeri Selangor pun telah bersetuju menandatangani perjanjian ini. Mengikut Perjanjian itu, tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petrolia yang dijumpai dan diperolehi di negeri masing-masing samada yang diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut, yang dijual oleh PETRONAS ataupun ejensi-ejensi ataupun kontraktor-kontraktornya.

LATIHAN PERALIHAN BAGI ANGKATAN TENTERA

4. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kursus selama tiga bulan dan enam bulan yang dihadiri oleh anggota-anggota angkatan tentera tidak menjamin masa depan

mereka dan jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menjamin masa depan mereka apabila mereka bersara; dan

- (b) bilangan anggota angkatan tentera yang telah menjalani kursus-kursus ini sehingga hari ini, jenis kursus yang mereka jalani dan samada mereka melapurkan kepada Kementerian mengenai kejayaan mereka selepas menjalani kursus apabila mereka bersara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kursus yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah latihan peralihan, yang diberi kepada anggota-anggota Angkatan Tentera sebelum mereka bersara dari perkhidmatan. Rancangan latihan peralihan itu telah dijalankan sejak tahun 1960 dan hampir kesemua anggota-anggota yang telah tamat perkhidmatan mereka telah mengikutinya. Semenjak ditubuhkan Bahagian Hal Ehwal Bekas-bekas Perajurit dalam tahun 1972 di Kementerian Pertahanan rancangan ini telah diperkemas lagi dengan mengadakan jenis-jenis latihan yang tertentu seperti berikut:

- (a) latihan teknikal dan vokesyenal,
- (b) latihan pertanian dan ternakan serta rancangan-rancangan tanah,
- (c) latihan perniagaan,
- (d) latihan penyesuaian sambil bekerja.

Tempoh latihan adalah mengikut kesesuaian sektor dua jenis latihan yang difikirkan dan tempoh ini bolehlah dilanjutkan sehingga 18 bulan. Tujuan utama latihan ialah supaya mereka menambahkan kemahiran untuk mendapat pekerjaan samada dengan Kerajaan atau swasta ataupun bekerja sendiri. Kejayaan rancangan latihan ini bergantung kepada keazaman mereka yang berkenaan mengambil peluang dan menggunakan peluang itu sebaik-baiknya. Sebilangan besar daripada 10,692 orang anggota tentera yang telah tamat atau bersara dari perkhidmatan, sejak tahun 1960 telah mengambil peluang kemudahan latihan ini. Ada di antara mereka yang telah memberitahu Kementerian berkenaan kejayaan mereka. Walau bagaimanapun, langkah-langkah terus diambil untuk menghubungi mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan mereka pada masa ini samada mereka berkehendakkan pertolongan Kerajaan ataupun tidak.

LAPURAN IBRAHIM ALI

5. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali; jika ia, bila dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah saya terangkan semasa menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga dari Kuala Lumpur Bandar pada 27hb dan 29hb Oktober yang lalu.

RANCANGAN TANAM SEMULA GETAH RISDA

6. Tuan Farn Seong Than minta Perdana Menteri menyatakan keputusan siasatan ke atas kes yang dilaporkan mengenai penipuan kira-kira \$10 juta bersabit dengan wang bantuan Kerajaan dalam rancangan tanaman semula getah yang diusahakan oleh pihak RISDA di kawasan Krian dan Selama di Perak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ingat Menteri Perusahaan Utama telah pun menerangkan perkara ini dalam Sidang Parlimen yang lalu pada 8hb Julai, 1975. Pada masa ini Biro Siasatan Negara bersama-sama Jabatan Peguam Negara masih menjalankan siasatan lanjut mengenai-nya.

SAMSU HARAM

7. Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar tentang:

- (a) banyaknya tempat-tempat memproses samsu tanpa lesen iaitu secara haram;
- (b) Penjualan samsu haram di seluruh negara ini khasnya di ladang-ladang seperti terdapat di ladang-ladang Daerah Sepang dan jika beliau sedar apakah tindakan-tindakan yang beliau telah ambil bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa ada kegiatan-kegiatan membuat samsu haram di negeri ini tetapi Jabatan Kastam tidaklah dapat menyatakan berapakah

sebenarnya pembuat-pembuat samsu secara haram. Jabatan Kastam sudah pasti akan mengambil tindakan di atas pembuat-pembuat samsu yang tidak dilesenkan bila-bila masa diketahui di mana mereka berada. Dari bulan Januari hingga penghujung bulan September tahun ini, Jabatan Kastam telah menjalankan lebih daripada 1,000 serbuan di atas perkara yang berkaitan dan telah merampas hampir dua ribu lapan puluh (2,080) gelen samsu haram dan seratus tiga puluh sembilan ribu, seratus sembilan puluh dua (139,192) gelen tapai. Sejumlah seratus sembilan (109) orang telah didakwa di atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan ini.

- (b) Saya juga sedar bahawa samsu haram dijual khasnya di estet-estet dan kawasan luar bandar termasuklah Daerah Sepang. Jabatan Kastam memang sentiasa berusaha untuk membentasi perniagaan haram ini, termasuklah dengan cara memberi bayaran upahan yang lumayan di atas maklumat-maklumat yang membolehkan tangkapan dibuat. Secara tambahan kepada langkah-langkah kawalan ini, Kerajaan telahpun mengurangkan kadar cukai eksais di atas samsu yang dibuat oleh pembuat-pembuat yang dilesenkan dari \$30 satu pruf gelen ke \$20 satu pruf gelen yang telah mula berkuatkuasa dari 6hb Januari, 1972 dengan tujuan mengurangkan galakan bagi pembuat-pembuat samsu haram. Seterusnya kawalan juga dibuat di atas kegiatan-kegiatan yang berkait dengan membotol dan memindah minuman-minuman mabuk yang ditarifikan sebagai satu proses membuat (manufacturing). Kegiatan-kegiatan seperti ini adalah dilesenkan mengikut Akta Eksais, 1961. Adalah juga dicadangkan bahawa satu undang-undang akan diadakan dengan tujuan bagi memperuntukkan hukuman-hukuman yang lebih berat di atas kesalahan-kesalahan yang berkait dengan pengeluaran dan penjualan samsu haram. Undang-undang ini akan dikedukakan bila sedia kelak.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa setakat ini tindakan-tindakan yang telahpun diambil

oleh Kerajaan terhadap membanteraskan tempat-tempat memproses samsu haram ini tidak begitu berkesan. Oleh itu, saya suka hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berkenaan samada beliau bercadang hendak mengambil tindakan-tindakan yang lain. Seumpamanya, menambahkan lagi reward kepada informer-informer yang memberi maklumat terhadap tempat-tempat memproses samsu secara haram ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu bolehlah saya timbangkan oleh kerana sekarang juga ada satu rancangan supaya memberi hadiah kepada sesiapa yang memberi maklumat-maklumat kepada pihak Kastam. Sepertimana yang saya terangkan tadi, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara sedang mengkaji satu Rang Undang-undang supaya boleh dikenakan hukuman yang berat lagi ke atas kesalahan-kesalahan pembuat samsu haram.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahn, Tuan Yang di-Pertua. Memandang kepada kawalan yang boleh dibuat ke atas tempat memproses samsu haram ini jika diberi lesen selain daripada cukai yang boleh didapati, dapatkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan syarat-syarat untuk memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha samsu tanpa izin sekarang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti atas soal itu, tetapi sepertimana yang saya katakan kita sudah turun kadar cukai eksais kepada kilang-kilang yang membuat samsu ini yang dilesenkan di bawah Akta, samada kita patut menambah bilangan kilangan ini ialah satu perkara yang ada implikasi yang lain, itupun kita boleh mengkaji juga.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Timbalan Menteri ada mengatakan yang beliau akan meminda undang-undang khusus untuk menambahkan lagi denda atau hukuman kepada mereka yang didapati salah. Saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau akan mengambil peluang di dalam merangka pindaan undang-undang itu untuk menubuhkan satu cawangan khas ataupun satu bahagian khas di dalam Jabatan Kastam, khas untuk membanteraskan

tempat-tempat memproses samsu haram secara tiada lesen ini. Adakah beliau bercadang hendak menubuhkan cawangan itu ataupun bercadang hendak menambahkan anggota-anggota Kastam yang ditugaskan untuk membanteras samsu haram ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, jikalau perlu dan mustahak kita akan menambah anggota-anggota Kastam untuk mencegah aktiviti samsu haram ini.

Dr Tan Chee Khoon: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong hendak juga campur hal samsu ini? (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Orang minum samsu bukan di Sepang sahaja, tetapi di Kepong ada juga. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan oleh sebab langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kastam dan Polis tidak mencukupi untuk mencegah orang yang memproses dan membuat samsu tanpa lesen, dan oleh sebab denda-denda pada masa sekarang tidak cukup, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata hendak menaikkan denda. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa Kementerianannya akan membawa undang-undang baru supaya kita boleh benar-benar kurangkan dan jika boleh mencegah orang yang membuat dan memproses samsu tanpa lesen. Dan di sini juga adakah Kerajaan ada mengambil perhatian iaitu ada dua jenis samsu, samsu yang dicampur dengan methyl alcohol yang paling merbahaya kepada si minum samsu itu dan satu lagi samsu yang tiada methyl alcohol.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan memang sedar bahawa kegiatan-kegiatan membuat samsu haram ini termasuklah samsu-samsu yang dikatakan dicampur dengan bermacam-macam jenis alcohol. Oleh kerana masalaah ini ialah satu masalaah sosial dan bukan sahaja masalaah revenue ataupun hasil Kerajaan, kita mencadangkan supaya mengadakan satu rang undang-undang yang akan dikesukakan kepada Dewan ini bila siap kelak supaya kegiatan-kegiatan membuat samsu haram boleh dikawal dengan lebih ketat lagi.

BAJA UREA DI MALAYSIA

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mengeluarkan baja urea di Malaysia supaya petani-petani Malaysia dapat mengurangkan kos pengeluaran mereka dengan mendapatkan baja dengan harga yang lebih murah dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini PETRONAS sedang menimbangkan kemungkinan menubuhkan satu kilang yang mengeluarkan baja urea dan baja-baja nitrogen yang lain. Kajian-kajian mengenai penggunaan bahan yang sesuai, pasaran, saiz dan sebagainya perlu dibuat terlebih dahulu sebelum kilang tersebut dapat didirikan. Sekumpulan pakar akan dilantik tidak lama lagi untuk mengkaji dan menyediakan satu Pelan Induk bagi penggunaan bahan-bahan hydrocarbon yang mana akan meliputi pembinaan kilang baja dan kilang baja hanya dapat dibina selepas kajian tersebut selesai dijalankan dengan sempurna.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa sebahagian daripada petani-petani di kawasan sawah di negeri Kedah dan Perlis sedang gelisah sekarang ini berkenaan dengan pembekalan baja urea ke kawasan-kawasan mereka kerana baja urea-baja urea itu sudah lewat tiba dan yang mana tiba pula sudah jadi macam ketul batu yang menyusahkan petani-petani di kawasan-kawasan ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dukacita oleh kerana soalan ini berlainan daripada soalan asal. Jadi, saya tidak dapat jawab.

KES-KES JENAYAH—PENYIASATAN

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kejadian pembunuhan, rompakan wang, kerosakan harta-benda awam dan kebakaran menjadi-jadi di dalam negara sejak akhir-akhir ini. Nyatakan adakah ini suatu langkah untuk menghancurkan Malaysia oleh anasir-anasir anti-nasional dan

mengapa penyihasatan-penyiasatan atas kejadian-kejadian tersebut menemui jalan buntu serta adakah Kerajaan bercadang menyusun semula badan-badan siasatan kita supaya cekap, berkesan dan berjaya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, umumnya kes-kes jenayah yang berlaku adalah merupakan jenayah biasa sahaja, melainkan kes kebakaran pondok-pondok Polis di Ibu Kota Kuala Lumpur pada 9hb Februari dan 30hb April, 1975. Selepas itu pengeboman Tugu Negara dan Markas Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Jalan Pekeliling pada 26hb Ogos 1975 dan 30hb September 1975 adalah dilakukan oleh anasir-anasir anti-nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyihasatan-penyiasatan ke atas kes-kes ini adalah memakan masa sedikit untuk mendapatkan bukti-bukti yang konkrit. Selain daripada itu, anggota-anggota RELA juga telah banyak memainkan peranan yang sangat penting dalam mencegah kejadian jenayah bukan sahaja mereka itu memberikan maklumat-maklumat yang berfaedah dan berguna, malah mereka sendiri telah berdepan dengan penjenayah itu, terutama sekali di Kelantan.

KEMEROSOTAN DARJAH KESUKANAN MALAYSIA

10. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sebab-sebab kemerosotan hari ini kesukanan ahli-ahli sukan Malaysia hari ini buktinya kekalahan Malaysia di peringkat antarabangsa dalam kejohanan bolatangkis, bolasepak dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, darjah-darjah kesukanan ahli-ahli sukan di negara kita pada keseluruhannya tidaklah merosot. Kita telah berjaya dalam beberapa pertandingan antarabangsa termasuk bola-sepak. Butir-butir kejayaan Malaysia adalah seperti berikut:

1. Dalam bidang Ping-pong Malaysia telah beroleh tempat yang keempat di Pesta Ping-pong Asia di Jepun pada tahun 1974.

2. Hoki-Malaysia telah beroleh tempat keempat dalam tahun 1975 dari tempat kesebelas iaitu pada tahun 1972 melalui Piala Hoki Sedunia.
3. Dalam bidang Basikal Malaysia telah beroleh tempat Naib Johan iaitu giliran pasukan di Manila melalui Pesta Lumba Basikal ASEAN, 1975.
4. Bolasepak—Malaysia telah beroleh Pingat Gangsa Pestabola Asia, di Teheran bagi tahun 1974 dan Naib Johan Pestabola Merdeka bagi Tahun 1975.
5. Olahraga—Malaysia telah beroleh 2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dalam bulan Julai, 1975 melalui pertandingan Asian Track & Field Meet.
6. Dalam jurusan Renang—Malaysia beroleh 9 Pingat Emas di Pesta Renang Kumpulan Umur Rendah di Asia iaitu di Seoul dalam bulan Ogos, 1975.

Dari masa ke semasa, lahir juga peserta-peserta yang berkebolehan istimewa dan dengan dedikasi dan latihan yang sempurna, mereka telah dapat mencapai tempat tertinggi. Kebolehan menjadi jaguh bukan sahaja tergantung kepada latihan atau dedikasi tetapi juga kepada kebolehan istimewa seseorang peserta itu sendiri dan kekuatan peserta-peserta dari negara-negara asing yang bertanding. Dalam sukan seperti juga dalam banyak lain-lain lapangan, maka tentulah ada masa pasang-surutnya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sentiasa berikhtiar meninggikan lagi mutu sukan kita dengan berbagai-bagai cara.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa satu daripada sebabnya mengapa darjah ahli-ahli sukan kita merosot sedikit ialah Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk melengkapkan pertandingan-pertandingan antarabangsa tidak pernah mengadakan mesyuaratnya. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa Jawatankuasa Persediaan Pertandingan Antarabangsa tidak pernah sekali pun bermesyuarat selama dalam tahun 1975 ini.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, dalam pertandingan antarabangsa Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

adalah sentiasa bekerjasama dengan Badan-badan Pengelola Pertandingan Antarabangsa seperti Majlis Olimpik Malaysia dan lain-lain majlis yang berkenaan. Dan setakat ini beberapa persiapan dan persidangan telah diadakan, khususnya bagi menemui masalah-masalah pertandingan antarabangsa. Pada saat inipun M.O.M. atau Majlis Olimpik Malaysia sedang bergiat melatih dan memberi ajaran-ajaran bagi pasukan kita untuk pergi ke pertandingan SEAP.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kecemerlangan ahli-ahli sukan yang mewakili Malaysia di antarabangsa sudah diterangkan oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah pada hari ini kita masih kekurangan wang dalam bidang ini, kekurangan jurulatih, kekurangan daya-usaha atau kelemahan-kelemahan tenaga ataupun kekurangan tapak-tapak di mana ahli-ahli sukan dapat berlatih dengan selesa dan giat untuk menaikkan taraf mutu ahli-ahli sukan kita atau darjah sukan di Malaysia ini.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui iaitu masalah kewangan adalah masalah yang terbesar yang dihadapi oleh semua badan-badan dan persatuan-persatuan sukan di negara ini. Masalah ini adalah dihadapi bersama dan melalui derma-derma atau pungutan-pungutan yang dibuat oleh berbagai-bagai persatuan, keadaan ini bertambah baik dan diharapkan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus dapat mencari ikhtiar supaya kedudukan kewangan mereka ini bertambah dari semasa ke semasa. Tidakkah dipersetujui sama sekali iaitu kegagalan beberapa orang ahli-ahli sukan kita adalah bergantung semata-mata kepada kurangnya latihan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1976 akan datang akan terus mempergiatkan lagi jentera latihan, jurulatihnya dan juga sistem mengambil jurulatih dalam mana beberapa faktor akan diperkembangkan dan darjah-darjah pengambilan juga akan dikedatkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa satu daripada sebabnya yang telah menyebabkan kemerosotan

darjah kesukanan ahli-ahli sukan di Malaysia adalah kurang kerjasama di antara Majlis Sukan Negara dengan Olympic Council of Malaysia. Nyata baru-baru ini bahawa kedua-dua badan ini tidak dapat menentukan bayaran tambang kapalterbang olahraga yang datang daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain sedikit dan terkeluar daripada soalan asas.

KERETAPI TANAH MELAYU— KEMUDAHAN

11. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau dapat memberi kemudahan kepada bekas perajurit, Bekas Polis serta isteri mereka dengan memberikan separuh bayaran apabila mereka naiki Keretapi Tanah Melayu.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, adalah dasar Kerajaan menghendaki Pentadbiran Keretapi mematuhi perinsip-perinsip perdagangan dalam setiap aspek aktiviti. Dengan itu bermakna perkhidmatan yang ditawarkan olehnya hendaklah ekonomik dan memberi faedah dan hasil yang memuaskan. Oleh itu Kementerian saya dukacita tidak dapat memberi tambang separuh bayaran kepada golongan penumpang-penumpang keretapi.

Tawaran tambang-tambang secara "konsesi" adalah diberikan kepada penumpang-penumpang berkumpulan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa dasar Kerajaan hanya menggalakkan jika tambang dan pendapatan itu dianggap ekonomik, dan kemudahan ini jika diberi sungguhpun dengan separuh bayaran, tidakkah Kementerian sedar bahawa ini akan menggalakkan lebih banyak bekas-bekas perajurit dan anggota Polis menggunakan keretapi dan dengan ini juga akan membawa kepada bertambahnya pendapatan Keretapi Tanah Melayu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi

jikalau mereka boleh berkongsi secara perkongsian, kita boleh memberi kemudahan, kalau tidak, susah kita hendak menerima cadangan itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengatakan akan mendatangkan faedah kepada Jabatan Keretapi Tanah Melayu dan kepada negara, tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menganggap bahawa memberi kemudahan kepada bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas anggota Polis mendatangkan faedah kepada negara memandangkan kepada perkara ini akan menggalakkan perajurit-perajurit dan anggota-anggota tentera yang sedang berkhidmat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berkehendakan pendapat yang seperti itu adalah bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat.

FELDA—SURAT PERJANJIAN DENGAN PENEROKA

12. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) bilakah salinan-salinan surat Perjanjian yang telah dibuat di antara peneroka-peneroka FELDA dengan pihak FELDA sendiri, dapat diberikan kepada tiap-tiap peserta;
- (b) mengapakah luas tanah yang akan dikurniakan kepada tiap-tiap peserta FELDA itu tidak sama di antara satu tempat dengan satu tempat, misalnya di Pahang ada yang mendapat 12 atau 14 ekar sedangkan di Johor hanya 10 atau 8 ekar sahaja;
- (c) kelayakan-kelayakan yang diperlukan sebelum seseorang peneroka itu boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA, memandangkan bahawa lantikan seorang ahli dari kalangan peneroka adalah sangat dialu-alukan;
- (d) samada lantikan itu untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau untuk memenuhi lunas-lunas demokrasi sahaja;
- (e) samada memadai dengan seorang sahaja ahli dari golongan peneroka memandangkan kelulusan tanah rancangan FELDA yang telah dibuka dan jumlah peneroka yang begitu ramai; dan
- (f) cara pemilihan wakil peneroka itu.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) salinan surat Perjanjian di antara peneroka-peneroka dengan pihak FELDA lazimnya diberikan kepada peneroka apabila sahaja surat perjanjian tersebut ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- (b) soal luas tanah yang diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA adalah disemak dari semasa ke semasa bagi menjamin supaya peneroka-peneroka akan menerima hasil getah atau kelapa sawit mereka dengan memuaskan bergantung kepada anggaran harga pasaran bahan-bahan ini dalam jangka masa yang berpanjangan. Dengan itu, semenjak tahun 1972 luas kawasan tanah yang diberi kepada tiap-tiap peneroka adalah 14 ekar bagi tanaman kelapa sawit dan 12 ekar untuk tanaman getah. Dasar ini telah dilaksanakan di semua rancangan FELDA tidak kira di negeri mana terletaknya rancangan yang tersebut.
- (c) Perlantikan Ahli-ahli Lembaga FELDA adalah dibuat berdasarkan kepada peranan yang dianggap dapat disumbangkan oleh seseorang wakil tersebut dalam pengurusan FELDA. Peneroka FELDA yang dilantik sebagai Ahli Lembaga baru-baru ini adalah seorang pemimpin yang mempunyai kebolehan dan pemikiran yang matang dan ia dihormati di kalangan masyarakat peneroka-peneroka FELDA sendiri. Sebelum dilantik sebagai Ahli Lembaga FELDA ia juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kedai-kedai FELDA sejak tahun 1973 lagi.
- (d) Perlantikan itu dibuat dengan tujuan supaya peneroka-peneroka juga dapat menyertai sama dalam segala kegiatan dan aliran pembangunan FELDA termasuk aspek Pengurusan Lembaga. Ini adalah selaras dengan cita-cita Kerajaan untuk mempertanggungjawabkan peneroka-penerokanya mengurus rancangan-rancangan yang ada ini apabila tiba masanya kelak.
- (e) Ahli-ahli Lembaga FELDA adalah terpilih dari golongan yang dianggap boleh memberi sumbangan yang berkesan mengenai kegiatan FELDA. Angka bilangan ahli-ahli tidak begitu penting; yang lebih penting atau mustahak ialah

sumbangan yang dapat terjalin dari ahli-ahli yang mempunyai pelbagai latar belakang dan pengalaman berkaitan dengan pergerakan FELDA.

- (f) Daripada golongan Naib-Pengerusi Naib-Pengerusi Gabungan Jawatan-kuasa Kerja Kemajuan Rancangan (JKKR) Peringkat Wilayah yang dipilih oleh peneroka-peneroka, seorang calon dipilih oleh pentadbiran FELDA, dan dikemukakan kepada saya untuk pertimbangan beliau.

TANDA SALIB PADA LENCANA/LAMBANG—PENGGUNAAN

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Badan Mubaligh Keristian yang sekarang mendapat bantuan penuh dari Kerajaan masih menggunakan tanda salib pada lencana dan lambang, jika ya, nyatakan samada beliau bercadang membenarkan penggunaan tanda salib ini terus menerus.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar dan Kerajaan tidak akan mengubah peraturan-peraturan yang sedang dijalankan sekarang ini.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Ahli Yang Berhormat yang membuat soalan ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga sedar bahawa tanda salib itu adalah tanda kasih Tuhan kepada orang yang berdosa dan memberi hidup kepada orang yang mempercayai kepada Tuhan yang mati di atas Salib itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Chan Siang Sun: Saya sedar (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudah katakan itu soalan lain. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa itu soalan lain (*Ketawa*).

PERJALANAN KERETAPI

14. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar akan lambatnya perjalanan keretapi di negara ini berbanding dengan di England oleh kerana menggunakan landasan keretapi

garisan satu (single lines) yang digunakan di negara ini. Jika ya, bilakah Kerajaan dapat mengadakan landasan keretapi garisan dua (Double Lines) serta langkah-langkah positif bagi menggantikan gerabak keretapi yang sudah menjadi lama dan buruk.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar bahawa jalan tunggal tolak meter Keretapi di negara ini sememangnya tidak dapat dibandingkan dengan rangkaian tolak piawai yang lebih besar di England dan di kebanyakan negara-negara maju. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, laju atau lambatnya perjalanan keretapi tidak ada kena-mengena dengan landasan keretapi garis satu. Walau bagaimanapun Kementerian saya bercadang untuk membuat kajian mengenai kemungkinan mengadakan landasan keretapi garisan dua. Untuk tujuan ini pakar-pakar perunding akan diambil bagi membuat kajian-kajian kemungkinan (feasibility study) tersebut.

Disamping itu Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan berusaha untuk menambah mutu perkhidmatan sistem keretapi yang sedia ada pada masa ini dengan beberapa cara, misalnya dengan memperbaiki darjah penyelenggaraan landasan dan setokereta supaya kelajuan-kelajuan maksima dapat ditinggikan lagi; memperbaiki susun-susunan persemboyanan untuk mencapai kelajuan-kelajuan purata yang lebih tinggi, melurus dan menggredkan semula landasan; menggunakan koc-koc dan gerabak-gerabak barang yang direka khas dan sebagainya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar apabila engine sesebuah keretapi sudah rusak, keretapi berhenti juga dan lain-lain keretapi tidak boleh lalu dan lagi kalau koc-koc sudah tergelincir maka keretapi tidak boleh lalu. Oleh sebab itu, banyak penumpang-penumpang berkata oleh sebab ada satu landasan sahaja atau satu jalan sahaja, maka jadual perjalanan keretapi selalu lambat.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada satu atau dua landasan pun derailment memang ada berlaku. Sungguhpun di United Kingdom ada beberapa landasan derailment berlaku di sana, tetapi Kerajaan seperti mana saya katakan tadi pada masa sekarang sedang menimbangkan untuk mengadakan dua landasan di negara ini.

PERUMAHAN KEPADA PEKERJA ESTET

15. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menimbang untuk mengemukakan satu undang-undang tanah yang diuntukkan bagi kediaman sekiranya estet-estet yang berhampiran kawasan-kawasan bandar dijual untuk tujuan pembangunan; dan juga untuk mengadakan peruntukan kadar ganti-rugi yang lebih tinggi bagi pekerja-pekerja estet sekiranya mereka diberhentikan kerja sebelum mereka meningkat umur persaraan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mengenai perancangan bandar dan kampung yang ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri telah menentukan pembangunan tanah yang teratur bagi berbagai-bagai tujuan termasuk tanah-tanah untuk rancangan perumahan. Ladang-ladang yang diuntukkan bagi tujuan pembangunan adalah tertakluk juga di bawah perancangan ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang tersebut.

Kadar bayaran pemberhentian kerja bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang ini diper-setujui mengikut Perjanjian Bersama di antara pihak majikan dan kesatuan pekerja.

MEMILIKI SENJATAPI SECARA HARAM

16. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sepanjang tahun 1974 dan 1975 berapa pucuk senjatapi telah dijumpai dan di negeri manakah kebanyakannya dijumpai;
- (b) berapa orang yang telah didapati memiliki senjatapi secara haram ini telah dapat dikesan dan dibincangkan di mahkamah dan berapa orang yang belum dibicarakan dan mengapa; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar dengan banyaknya terjumpa senjatapi haram akan mendatangkan keseimbangan kepada rakyat di negeri ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, bilangan senjatapi yang dijumpai

tetapi tidak termasuk yang dirampas bagi tahun-tahun 1973 dan 1974 sehingga akhir bulan September 1975 seperti jawapan Kementerian ini kepada Pertanyaan Mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Beruas dalam mesyuarat Dewan Rakyat pada 10hb November, 1975 yang lalu adalah seperti berikut:

1974	...	...	...	20
1975 hingga September	...	...	...	25

Kebanyakan senjata tersebut dijumpai di negeri Kedah.

- (b) (i) Orang-orang yang ditangkap kerana memiliki senjatapi secara haram ialah seperti berikut:

1974	...	...	...	131
1975 hingga September	...	...	...	137

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dengar berkenaan dengan keadaan rakyat di luar-luar bandar yang duduk di dalam estet-estet. Pada akhir-akhir ini sekolah-sekolah, tempat-tempat sembahyang, rumah-rumah buruh dan sebagainya tidak lagi dijaga dengan betul. Ini barangkali agak saya pihak Kerajaan kurang membuat kawalan kepada hal-hal ini. Tetapi jika keadaan sekolah-sekolah yang ada di estet-estet ini tidak dikawal, tempat-tempat sembahyang mereka tidak dibantu oleh pihak-pihak estet dengan begitu baik, keyakinan rakyat yang duduk dalam estet ini kepada Kerajaan akan kurang. Pada hal estet ini mendapat keuntungan yang banyak dan mereka telah bersetuju dan sanggup mengawal dan mendidik anak-anak buruh mereka dan buruh-buruh ini patut diadakan tempat-tempat yang baik seperti tempat-tempat permainan dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian supaya estet-estet dalam negara kita tidak ada yang semacam ini.

Berkenaan dengan jalanraya-jalanraya. Jalanraya-jalanraya selalu diperkatakan di Kuala Lumpur sedang diperbaiki, dibanyakkan jejambat supaya dapat rakyat menggunakannya dengan baik, ini alhamdulillah baik sekali, seperti di Ipoh atau di bandar-bandar besar.

Saya suka menarik perhatian berhubung dengan luar-luar bandar, ada jalanraya-jalanraya yang sudah disediakan dengan baik kemudian jalanraya ini rosak tidak dipedulikan dan akhirnya bertambah rosak lagi sehingga ada sebatang jalanraya yang telah ditinggalkan tidak dipedulikan oleh pihak Kerajaan se-

lama 19 tahun, yang malang sekali jalanraya ini di tepi laut dan tanah yang ditepi laut ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan keras sebagai tanah-tanah yang lain, tanahnya lembut. Apabila sahaja jalanraya tersebut dilalui khasnya oleh lori-lori yang besar jalan ini akan turun perlahan-lahan biasanya dalam tempoh 4 atau 5 tahun sekurang-kurangnya turun se kaki, kalau 19 tahun sudah menjadi 4 kaki. Jalanraya ini sudahpun diminta oleh rakyat beberapa kali. Jawapan Kerajaan "tidak ada wang" dan jawapan ini sudah diberi daripada sejak dahulu lagi. Tetapi kalau pada masa jalan-jalan yang semacam ini rosak tidak begitu banyak dibelanjakan, saya rasa inilah caranya menjimatkan wang negara —waspada. Tuan Yang di-Pertua, jalan yang saya katakan tadi eloklah saya sebutkan namanya barangkali ada yang tertanya-tanya, di dalam Negeri Perak juga Jalan Matang ke Port Weld yakni pelabuhan asal.

Di luar-luar bandar masih terdapat banyak jalan-jalan enam kaki seluruh negara. Saya tidak tahu di tempat lain apakah bahasa yang digunakan. Di Perak disebut Jalan Enam Kaki. Jalan ini tanah. Kalau jalan-jalan ini rosak tanahlah juga dibubuh. Tadi saya sudah katakan di negeri Perak, di kawasan Taiping ataupun Larut/Matang, hujan selalu turun menyebabkan jalan-jalan ini sepanjang masa rosak. Sebab itu, saya suka mencadangkan supaya jalan enam kaki ini diambil perhatian oleh Kerajaan, jika tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat, cara perlahan-lahan. Jalan-jalan ini kalau panjang 4 batu dan buat satu rancangan 4 tahun, se tahun se batu misalnya, kalau 8 batu—8 tahun; se tahun se batu, cukup 8 tahun habis jalan ini ditembak dengan batu, bukanlah dengan batu-batu yang cantik seperti di Kuala Lumpur misalnya, atau di Ipoh atau di tempat-tempat lain. Ianya disesuaikan dengan keadaan jalan bagi penduduk-penduduk di luar bandar. Jika tidak mendapat perhatian begini, tentulah keadaan ini kita dapat tidak ada perubahan langsung bagi kawasan-kawasan di luar bandar.

Saya suka juga menarik perhatian bahawa ada terdapat kadang-kadang timbul perbalahan di antara satu Jabatan dengan satu Jabatan. Misalnya, ada parit di tepi jalanraya. Parit ini di penuh oleh air. Air ini menyebabkan pula kampung ataupun kawasannya menjadi becak ataupun banjir. Bila terjadi begitu, rakyat pun mengadulah, biasanya kepada Jabatan Kerja Raya. Jawab Jabatan Kerja

Raya, oleh kerana parit ini ada air, ini bukan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya. Ini tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair. Rakyat pun pergi pula kepada Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Parit dan Taliair kata ini bukan dia punya, kerana ia duduk di tepi jalanraya. Jadi rakyat sudah jadi serba salah. Oleh sebab itu, eloklah Kerajaan menentukan jalan yang ada di tepi jalanraya siapa punya. Dan siapa yang tanggungjawab, baik ia ada air ataupun tidak ada air. Kalau dipunyai oleh Jabatan Kerja Raya ditentukan kepada Jabatan Kerja Raya. Tidaklah kadang-kadang disebut Jabatan Parit dan Taliair. Ini mungkin ada kekeliruan di peringkat yang tertentu. Ini sebagai contoh sahaja yang saya sebut. Kalau ada hal yang semacam ini yang ada kaitan dengan Jabatan-jabatan lain, eloklah perkara semacam ini di atasi dan diselesaikan.

Kita bimbang apabila rakyat datang bertanya kepada pegawai-pegawai dan pegawai-pegawai pula menjawab dengan alasan-alasan tadi, rakyat sudah mengambil satu keputusan tidak percaya kepada Kerajaan. Oleh sebab itu, kalau dipandang perkara ini kecil, eloklah diselesaikan segera. Kalau dipandang perkara ini besar, eloklah di kecil-kecilkan.

Misalnya, berkenaan dengan pembangunan negara dan bangunan-bangunan Kerajaan. Saya contoh sekolah. Sekolah-sekolah yang telahpun diluluskan oleh Kementerian Pelajaran supaya sekolah itu dibangunkan pada tahun 1973, tiba-tiba ada sekolah yang tidak dapat dibangunkan pada tahun 1973 ditunggu 1974 pun tidak dapat dibuat lagi, kemudian ditunggu pula pada tahun 1975 pun belum dibuat. Ini barangkali ada masalah berkaitan dengan Jabatan Kerja Raya. Saya percaya mungkin ada pegawai-pegawai di Jabatan ini ataupun di Kementerian Kerja Raya ini tidak cukup untuk menjalankan tugas-tugas pembangunan iaitu bangunan-bangunan ataupun benda yang lain di dalam negara kita ini. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya peruntukan pegawai-pegawai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan tidak ada jawatan baharu. Ini bukan jawatan baharu. Ini ditambah lagi pegawai-pegawai kepada tugas-tugas ini supaya pembangunan-pembangunan yang ada di negara kita ini kalau Pembangunan Malaysia Pertama, tidaklah sehingga terlewat kepada Malaysia Kedua ataupun Malaysia Kedua tidak pula terlewat sampai Malaysia Ketiga.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Walau bagaimanapun, saya yakin kedudukan pegawai-pegawai kita telah menjalankan tugasnya. Tetapi oleh kerana tidak cukup pegawai-pegawai ini, eloklah Kerajaan memandang berat dan mengambil perhatian supaya pembangunan-pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemilih ataupun pengundi. Pengundi-pengundi tiap-tiap tahun di dalam negara kita ini telah didaftarkan dan tidak habis-habis kita dengar pendaftaran ini walaupun dibuat tidak juga habis lagi. Walaupun ada sepatutnya dibuat pada umur sekurang-kurangnya 21 tahun sehingga saat ini pun mungkin orang berumur 30 tahun pun belum mendaftar lagi. Jadi, eloklah pihak Kerajaan mencari satu sistem baharu, bagaimana satu cara yang lebih baik apabila sahaja seseorang itu telah mendaftar menjadi pengundi, sampai bila-bilalah ada tanda dia menjadi pengundi dan tidak lagi menjadi kekeliruan kepada mereka ini yang akan menjadi pengundi ataupun yang sudah menjadi pengundi.

Berkenaan dengan nelayan. Nelayan-nelayan yang ada di sekeliling pantai di negara kita ini ramai dan kalau dibanding dengan ramainya nelayan tidak sepadan dengan tangkapan di laut di sekeliling negara kita ini. Eloklah Kerajaan mencari jalan bagaimana nelayan-nelayan yang sudah ramai dan mereka ini sudah tidak cukup lagi pendapatan di sekeliling laut negara kita supaya dapat mereka ini dibawa ke satu tempat baharu pula diubah penghidupan mereka daripada menjadi nelayan kepada menjadi petani atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kawalan wang keluar negeri. Oleh kerana kita tertarik hati kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada perkataan "waspada" yang disebutkan, saya suka menarik perhatian Kerajaan kita berwaspada pula bagaimana hendak mengawal kewangan negara ini jangan terlalu banyak keluar daripada negeri kita yang sepatutnya hal ini boleh dikawal. Misalnya, ada segolongan rakyat di dalam negara ini yang datang daripada negara lain, mereka ini mencari makan di dalam negara kita berniaga dan sebagainya dan mereka ini selalu berulang-alik kepada

negara mereka sendiri, membawa wang daripada negara ini balik dan boleh jadi keuntungan yang mereka dapat daripada kerja-kerja ataupun perniagaan-perniagaan mereka di dalam negara kita ini, mereka bawa balik ke negara mereka. Ini patut kita kawal. Kalau kita tidak kawal dengan begitu baik, dengan begitu kuat senangnya wang daripada negara ini mengikuti bersama-sama dengan rakyat ataupun orang-orang yang saya sebutkan tadi dengan begitu senangnya. Kadang-kadang boleh kita lihat rakyat ini selalu ataupun macam tahunan sahaja, tiap-tiap tahun balik ke negara mereka, ke kampung mereka dan melihat tanahair mereka, keluarga mereka di sana dan mereka pula duduk di sana sehingga beberapa bulan yang ditentukan dengan begitu senang dengan perbelanjaan daripada wang negara kita sendiri. Saya percaya Kerajaan sudah mengawasi hal ini, tetapi eloklah kawalan seperti ini oleh kerana kewangan negara kita ini sudah lain daripada yang sudah-sudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memetik ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bagi menutup ucapan saya yang akhir ini:

“Kami menyeru kepada semua pihak—masyarakat, peniaga, golongan majikan dan pekerja, kesatuan sekerja, pekilang-pekilang, kakitangan awam, petani, belia, pelajar-pelajar dan juga kepada seluruh rakyat amnya supaya memberikan khidmat mereka yang penuh dalam masa yang genting ini bagi mengurangkan kesan kesulitan ekonomi dan kewangan yang sedang dialami oleh negara kita. Kita mestilah berusaha menuju ke taraf pencapaian disiplin yang tinggi, dan untuk menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab kita kepada negara, dengan penuh dedikasi dan kejujuran. Saya mempunyai keyakinan penuh kepada kebijaksanaan dan pemikiran waras rakyat negara ini. Sesungguhnya, masa depan negara kita sangat cermelang. Peliharalah keadaan itu.”

5.32 ptg.

Dr Ling Liong Sik (Mata Kuching): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya bangun untuk menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan Malaysia. Saya mohon izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Campur-campur bila bercakap.

Dr Ling Liong Sik: Mr Speaker, Sir

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini mula sahaja sudah hendak bercakap dalam bahasa Inggeris.

Dr Ling Liong Sik: Perlahan-lahan dahulu, kemudian saya akan campur sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr Ling Liong Sik: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am very happy to be able to support this year's Budget. It is a Budget that has left the poor quite burden-free. I am also very happy to read under Kertas Perintah 34, tahun 1975 that under Education, we will be spending \$1,473 million. This shows, Mr Speaker, Sir, that our priorities are very correct. Education is one of the major instruments whereby we bring up a much more educated society, a much more responsible society and a much more self-reliant society. However, I would also like to bring to the attention of the Ministry certain lackings in the Educational Policy.

I would like to see, Mr Speaker, Sir, that the Ministry allocate some funds for certain programmes, which are very essential, I feel, to our kind of developing society, to our kind of young society in our transitional stage. I refer, in particular, to the question of poverty.

Poverty is something, Mr Speaker, Sir, that is going to be with us for quite a long, long time more, and I would like to see in schools itself that we start training our children to develop an attitude of a commitment to poverty and a commitment to finding solutions to problems of poverty. The school children of today are going to be the clerks of tomorrow, the leaders of tomorrow, the doctors, the engineers, the lawyers, the architects and so on. I would like to see in the citizens of tomorrow a new attitude especially towards the poor.

Today, sad to say, Tuan Yang di-Pertua, you will find, if you walk into any office, that when a rich man or an M.P. walks in, he gets served. The clerk there will stand up straight-away and offer him a cup of coffee and give

him a chair but apabila seorang miskin datang, he is just told to sit in the corner, duduk beberapa jam, dua tiga jam, and he is still not served. This is an attitude which is wrong. It is the poor who deserves service first not the rich and the powerful. We must change this kind of attitude especially amongst the young people and amongst the school children.

I have personally, Tuan Yang di-Pertua, initiated a programme in Mata Kuching, whereby I spend my Sunday mornings taking Form IV boys and girls visiting poor areas within Mata Kuching and explaining to them the problems of poverty. I take Form IV students because they have no examinations to write such as L.C.E. or S.P.M. It does not cost very much money, because we take just one bus which costs about \$30 for the morning. I hope that we could have a national programme of this nature and we have teachers trained to do this, so that the students when they grow up and will be in positions of responsibility will ensure that there is no retardation in terms of the quality of services that they provide to the people in future. Mr Speaker, Sir, to combat the question of poverty, we need the total effort on the part of all our people and this programme of a commitment to solutions on problems of poverty must start in schools.

The other thing on education that I would like to touch upon, Mr Speaker, Sir, is another sad lacking. Today I find that there are insufficient funds allocated to Chinese primary schools. I have visited many primary schools and in certain schools, there is just one classroom, but there are four classes in one classroom. There is a blackboard in between and on both sides of the blackboard there are two classes but there are only three teachers. The conditions of these schools I feel, are quite terrible. There are no toilet facilities and no playgrounds in these schools and the roofs are very often leaking. They are overcrowded and understaffed. I would hope that the Ministry of Education, if it believes in the principle of education in our mother-tongue, would make life much more tolerable in all these primary schools. I hope that the Ministry can have greater allocation to upgrade the quality of these Chinese primary schools.

Mr Speaker, Sir, I think the whole principle of primary mother-tongue education has been established and agreed to by Government and

it is based on a few basic principles established by international studies. The first principle is that if a child goes to school in his mother-tongue, his rate of progress is very much faster than if he went to school in a foreign tongue. In fact, international studies have established that if the kids go to school and study in a foreign tongue, these kids are normally about two years behind in terms of rate of progress behind those who go to school to study in their mother-tongue.

The other principle on which this mother-tongue education is based is this: because we are a multi-cultural society, a multi-lingual society, the language in which you go to school will dictate the sort of culture that you imbibe. In a multi-cultural society like ours, I am very happy that we have accepted this principle of mother-tongue primary education, and I hope we will continue with this kind of policy and let this diversity of cultures and this diversity of races be our strength in a tolerant society rather than stress this sort of thing to make it our weakness in a multi-racial society.

I also see under Kertas Perintah 34 Tahun 1975 that the Government will also be spending a sum of \$222.9 million in 1976 on the FELDA schemes for the development of 84,255 acres. Tuan Yang di-Pertua, FELDA schemes represent one of the modern agricultural sectors that we are trying to build up. It is also a good place where we can practice the principle of restructuring our society, i.e. one of the two prongs of our New Economic Policy. It is a place where we can have not only meetings of people but also meetings of the minds. I hope that FELDA will not be a place where we continue the colonial policy of compartmentalisation of races. In line with our policy of restructuring our society, Tuan Yang di-Pertua, I hope that in the spending of \$222.9 million, it will be seen that its policy is to equally share this out or fairly share this out amongst the races. In this respect, I would like to put it this way that at least 70% should go to the bumiputras, which means 30% for the non-bumiputras. This, I think, has to be the policy in the spending of public funds; otherwise one day we might just wake up to find that the commercial sector is restructured and yet the modern rural sector is completely still compartmentalised and not restructured at all and still following the old colonial ideas of compartmentalisation.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bila Yang Berhormat hendak bercakap dalam Bahasa Malaysia? Saya dengar perkataan cuma "Tuan Yang di-Pertua" sahaja dalam Bahasa Malaysia.

Dr Ling Liong Sik: Sekejap lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak pada masa hadapan tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris lagi.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kertas Perintah 34 tahun 1975 ada pun satu programme berkenaan dengan Pahang Tenggara Development Authority, Johor Tenggara Development Authority dan Trengganu Tengah Development Authority. Di atas perkara ini saya nampak kita pun hendak membelanjakan wang yang banyak: \$44.7 juta, \$52.7 juta dan apa yang menarik perhatian saya di sini ialah semua projek ini kita hendak majukan membuat pekan baru (new townships) in these three areas. What strikes me is the new townships in these three areas. Now, Tuan Yang di-Pertua, I wish to draw attention of the House at this stage to something which, I feel, we must be very watchful about and that is in the development of new townships, we must, first of all, realise that the Government in a multi-racial society is essentially concerned with the successful management of conflict situations and we must forever be anticipating conflict situations so that they do not arise at all.

Now, with regard to the question of new townships, Tuan Yang di-Pertua, I hope that UDA will take a very active part, because I am quite concerned about one whole area, the whole question of urban land ownership and I hope that one day we do not wake up and let us say all the town lands are owned by non-bumiputras, and our town lands, are not owned by bumiputras, and therefore, we may try and legislate in order to rectify the imbalance. If we try and do this, Tuan Yang di-Pertua, I think, this would contravene the fundamental principle of the New Economic Policy and that is robbing Peter to pay Paul and to anticipate and avoid such conflict-prone situations I hope UDA would play a leading role in the new townships that the Government is going to develop and acquire enough land, so that the Malays will also have land in the urban areas.

Tuan Yang di-Pertua, I wish also to touch on Penang Airport under Kertas Perintah 34. Untuk airport ini, kita hendak membelanjakan wang sebanyak \$73.6 juta. I am very happy that the Government at last is going to rebuild the Penang Airport and to have a real good Airport which will allow Jumbo Jets to land and I believe Penang then can have a "Jumbo" size tourist industry, Tuan Yang di-Pertua, any development causes some dislocation in terms of people's living conditions and patterns of living. I bring to point one school building near Penang Airport, which is going to be acquired and torn down and which has got about 600 students. This is Chung Shang School near the Penang Airport which till todate has not been compensated with enough funds to even buy a piece of land, let alone build its own building. I hope the Ministry of Communication will take into consideration that if dislocations are necessary in development, then let us pay and settle these issues amicably, because the benefits that accrue from such projects will be tenfold, if not more. I also hope that the Ministry of Communications will think about this problem of compensating this school reasonably, so that they could buy a piece of land and build the same size of building again. We have had examples in the past, Tuan Yang di-Pertua, where J.K.R. has built bridges and when it has been necessary to knock down a school in order to build a bridge, the J.K.R. has bought alternative land and also rebuilt a new building for that school.

Tuan Yang di-Pertua, I would like also to touch on a very small topic, i.e. the problem of Local Government I see in this Kertas Perintah 34 tahun 1975, again, that under the Contributions to Statutory funds in 1976 there is a provision of \$218 million—a rise of \$211 from last year. I hope, Tuan Yang di-Pertua, that this money can be utilised usefully to subsidise Local Government. This concept of subsidising Local Government is not something new. It is something that takes cognizance of the fact that Local Government is the front line of contact between the Government and the people and wherever you have to ask the people to pull out money from their pockets whether in terms of assessment rates or something, it hurts, and we should not be taxing them that much at that from line, because that is absolute direct taxation of a very painful nature.

I, at this stage, would also like to praise the Ipoh Municipality under the leadership of Senator Datuk Lee Loy Seng who has taken cognizance of the fact that we are still having recession. Our best economists tell us—in fact, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri also told us—that the economy is still bumping on and off the ground. We are not sure when the take-off point will come. In fact, we think it will be with us for the major part of 1976 and we might just see some upturn in early 1977. Now, the Ipoh Municipality has taken cognizance of this fact, cognizance of the effects of recession, its effects on the people especially the poor; and they have very courageously, with tremendous wisdom, announced that there will be no increase of rates in 1976. The Taiping Town Council has raised it by 3%, Malacca Municipality also shelved the whole thing, but very unfortunately, Tuan Yang di-Pertua, I cannot say the same for the Penang Island Local Council, who has stubbornly refused so far to make a categorical statement that the assessment will not go up in 1976. Mr Speaker, Sir, I submit that the timing is all wrong. In times of hardship, it should never be the policy of the Government to add burdens to the poor; and the Penang Local Council, I must say, has done nothing to protect the poor tenants and sub-tenants. They have even increased the assessment rates on the poor low-cost flat dwellers by as much as \$160 a year and where in the world, may I ask, Mr Speaker, Sir, do they expect these poor people to find such money? I content, Mr Speaker, Sir, that if Government intends to go on appointing Local Councillors, then they must choose Councillors like those in the Ipoh Municipality who are responsive to the people, who are sensitive to the needs of the people and not like the Penang Local Councillors who are absolutely insensitive and not responsive at all, completely deaf to the needs of the people.

Tuan Yang di-Pertua, I would like also to say a few words on our budgetary allocation for defence and I hope, Tuan Yang di-Pertua, that our Government will always look after well our Armed Forces and our Police. We must make sure that they are well looked after; we must make sure that we have frequent dialogues with our uniformed personnel because they are the people who are in the front line, who are most exposed to all the dangers, who are risking their lives. We must give sufficient weightage to the role of our uniformed personnel in maintaining the peace

of our country. I call for these frequent dialogues, Mr Speaker, Sir, because it is important that in the sort of political culture that we have, where we believe in the basic freedom of democratically elected Governments, we must establish the supremacy of political culture over military culture. In most developing countries, I should say in 90% of developing countries, we have seen the establishment of the supremacy of military culture over political culture and that is why, Tuan Yang di-Pertua, I would like to urge our Government to give sufficient weightage to this group of people who are all the time in the front line, all the time exposed to the dangers and risking their lives.

Tuan Yang di-Pertua, I also again would like to touch on the question of poverty. I see establishments like MARA which are giving very easy loans to petty traders and to hawkers. This, I must congratulate the Government on. It is an extremely good scheme and it strikes at the core of our whole anti-poverty struggle and it gives meaning to the second prong of the New Economic Policy, and that is the eradication of poverty. However, Tuan Yang di-Pertua, I am also sad to note that there is no similar scheme for the poor non-Malay hawkers and petty traders and I would suggest that this gives an impression again that sometimes Government policies are not really following the second prong of the New Economic Policy of eradication of poverty irrespective of race. I would like to make a few suggestions, Tuan Yang di-Pertua. Possibly, institutions like MARA should turn multi-racial and distribute these loans to the poor of all races irrespective of race. The other alternative is that we set up another agency to look after the non-Malay poor. The third alternative, of course, is to abolish these two ideas and set up one single new agency that could look after the people of all races. The time has come, Tuan Yang di-Pertua, when we must give tangible benefits to the people and not only preach and talk about indirect benefits and intangible benefits. We must draw up an action programme to really reach the poor and let them feel that we really mean what we say.

Tuan Yang di-Pertua, I would like finally to touch on the whole question of the first prong of the New Economic Policy and that is the question of the restructuring of society. I quote, Tuan Yang di-Pertua, from the Wall Street Journal

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah nama Journal itu?

Dr Ling Liong Sik: Wall Street Journal, September 22nd, 1975.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa panjangnya hendak quote?

Dr Ling Liong Sik: Sedikit sahaja. It is headlined "Malaysia scares away foreign capital with rules for redistributing wealth". It says: "Eager junior Civil Servants seem intent on enforcing the 30/40/30 rule—that is 30% bumiputra, 40% non-bumiputra and 30% foreigners—not by 1990 but now and not for the economy as a whole but for each individual company". It says, "Foreigners say harassment is continuous in an apparent effort to force changes in the equity structure". In the final sentence they say, "Government has gone back on its word and "credibility" has gone down the drain".

Tuan Yang di-Pertua, I am not trying to question the whole issue of restructuring of society but I think this is something not only the foreigners say. I think a lot of domestic investors also are saying that there is continuous harassment and this is something that we must start thinking about; we must start thinking of how to minimise harassment and yet achieve the results.

I contend, Mr Speaker, Sir, that we should start thinking in terms of one central agency to monitor the progress of restructuring the society—not only Malay progress in restructuring society but also Chinese progress, also Indian progress and also foreign capital progress and this central agency, I submit, Mr Speaker, Sir, should come up with an annual report so that every year every race can see for themselves in terms of facts and figures how justly the Government has acted in the past year.

Finally, Mr Speaker, Sir, I have been talking all this while with a central theme in my mind. That there has been that we must always maintain a very stable equilibrium in a multi-racial country. This has been the only formula that has kept multi-racial countries going and I want to emphasise that we must always be conscious to maintain this equilibrium.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, I wish to again thank Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn for a very fair Budget

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You should not refer to any Member of the House by name.

Dr Ling Liong Sik: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Banyak salahnya. Janji hendak bercakap dalam Bahasa Malaysia, tetapi tidak dibuat, masa akan datang susah hendak dapat peluang bercakap.

Dr Ling Liong Sik: for a very fair Budget which does not hit the poor. This, I believe, Tuan Yang di-Pertua, underlines Barisan Nasional's policy and I for one representing the people of Mata Kuching am very proud and happy to be associated with it. Terima kasih.

5.59 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan ucapan dasar Menteri Kewangan kita. Kita semua faham pada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menunjukkan ataupun menggambarkan keadaan hasil Rancangan Malaysia Yang Kedua dan kita semua tahu tahun 1975 adalah merupakan satu tahun yang telah banyak menempuh cabaran, kemerosotan dan banyak kesulitan yang dihadapi oleh rakyat.

Kalau kita kaji daripada segi asas dasar Rancangan Malaysia Kedua yang mana mengharapkan GNP 7% tiap-tiap tahun, saya rasa daripada apa yang kita lihat jangkaan kepada performance—strained sudah banyak yang salah. Ini diterangkan dengan jelasnya daripada ucapan tersebut. Misalnya dalam tahun 1975 jangkaan sebanyak 5% tetapi hasilnya cuma dapat mencapai 1%-2% sahaja. Bolehlah kita memahami boleh jadi kerana keterangan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai kemerosotan seluruh dunia yang berlaku yang mana dengan terjadinya kemerosotan itu semua negara terlibat dan semua rancangan jadi lintang pukang menjejaskan ekonomi tiap-tiap negara itu. Dan kita semua memahami bahawa ekonomi bukanlah seperti pelajaran ilmu sains yang ada formula yang tertentu dan juga kita memahami hendak menyediakan sesuatu anggaran belanjawan

samada jangkaan ekonomi itu betul memanglah susah sekali. Adakah kesulitan yang disebutkan tadi, pihak yang berkenaan iaitu Kementerian, pakar-pakar yang ada di dalam Kementerian Kewangan, telah membuat forecast yang benar ataupun di atas landasan asas-asas apa. Di sini boleh menimbulkan soalan sejauh manakah Jabatan Perangkaan kita dapat memberi angka-angka yang boleh dipercayai begitu juga Economic Planning Unit semasa mengadakan perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang kita dapat hasil dari pembangunan negara yang berkehendakkan 7% tiap-tiap tahun ditukar, diubahsuaikan cuma boleh berjaya 5%, dalam tahun 1975 tidak juga berjaya cuma dapat 1%-2% sahaja. Ini ada kaitannya dengan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara yang mana mengharapakan dalam tempoh 20 tahun akan datang penyertaan bumiputra dapat dilaksanakan.

Sekarang ini Rancangan Malaysia Kedua telah habis dan kita tahu Lapuran Penggal Pertama, Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan hasil yang baik, laporannya yang boleh dibanggakan, tetapi lapuran Penggal Kedua, Rancangan Malaysia Kedua belum kita tahu dan di sini, menimbulkan soalan bahawa samada kemajuan yang dicapai dalam Rancangan Malaysia Penggal Pertama, jika dicampur dengan hasil Penggal Kedua, Rancangan Malaysia Kedua, dapatkah purata sebanyak 7% yang kita kehendaki untuk mencapai matlamat penyertaan, menghasilkan penyertaan ekonomi bumiputra 30% dalam tempoh 20 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan semua orang faham bahawa dasar Rancangan Malaysia Kedua tidak bertujuan hendak merampas yang ada, tetapi bertujuan hendak memberi kepada yang tiada, memberi peluang supaya dapat perseimbangan di dalam negara kita. Saya perhatikan apa yang ada dalam lapuran-lapuran yang telah disediakan oleh pihak Kementerian, saya rasa kita bertanggungjawab, tetapi saya masih lagi ragu-ragu tentang statistik yang disediakan di dalam lapuran itu dan saya masih lagi ragu-ragu atas forecasting yang dibuat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Anggaran Belanjawan, 1976 adalah berupa belanjawan pertama untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Kita ucapkan selamat datang kepada

ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengemukakan Anggaran Belanjawan, 1976 yang mengandungi juga Anggaran Belanjawan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Ketiga dan kita mempunyai penuh harapan iaitu negara kita tidak akan mengalami keburukan yang telah lalu. Apa yang telah lalu itu telah menjadi sejarah pada hari ini. Kita mempunyai harapan yang baik bahawa masa hadapan negara kita cerah. Rancangan Malaysia Ketiga, bunyinya adalah bagus, tetapi rangka bentuk anggaran yang dibentangkan di dalam Dewan ini ganjil sedikit. Ada anggaran tanpa rancangan. Manakah dia Rancangan Malaysia Ketiga. Belum siap lagi. Adakah ini berupa sebagai interim budget?

Ada polisi-polisi yang tertentu iaitu monetary policy untuk pentadbiran sahaja, tetapi tidak ada dasar yang tertentu yang dapat kita bahaskan di dalam Dewan ini. Nampaknya anggaran ini tak ubahlah sambungan Anggaran Tahun 1975, bukanlah satu perkara yang baru. Saya tidak menyalahkan Menteri yang berkenaan, bukan Menteri yang membuat semua kerja ini, kita ada pakar-pakar yang tertentu di dalam negara kita, tak cukup dalam negeri ambil daripada luar negeri, tak lama lagi ambil daripada bulan pula tetapi perkara ini berlaku. Sepatutnya adalah lebih sesuai anggaran ini dikemukakan di dalam Dewan ini setelah cukup lengkap lapuran Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Sekarang ini keadaannya tak ubahlah seperti seorang peniaga yang hendak minta pinjam duit dari bank tak ada projection figure, tak ada apa benda. Dia kata sudah dapat duit nanti baru dia beritahu apa hendak buat.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini kita adalah bertanggungjawab, semua warganegara, badan-badan siasah, pegawai-pegawai Kerajaan bagi menentukan masa hadapan bagi menggambarkan perkara yang betul-betul ditunggu-tunggu, yang diharapkan perjalanan, pelaksanaan dasar ekonomi dengan spirit yang mengakui kita ini akan hidup di Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, daripada cara-cara yang dibentangkan seperti yang tersebut dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, muka surat 17, perenggan 44 antara lain kata beliau:

"Kira-kira semasa Belanjawan 1976 dianggar menunjukkan jumlah kurangan sebanyak \$190 juta pada kadar cukai

sekarang setelah menyelaraskan sumbangan biasa sebanyak \$50 juta kepada Kumpulan Wang Penjelas Hutang. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan yang kurangan ini tidaklah termasuk sebarang peruntukan belanjawan untuk perkara-perkara berikut:

1. Perbelanjaan tambahan selain daripada yang diperuntukkan di dalam Belanjawan 1976 bagi keselamatan dan pertahanan yang mungkin perlu dalam tahun ini;
2. Tidak ada peruntukan dibuat mengenai bayaran sebulan gaji sebagai bonus;
3. Subsidi berjumlah kira-kira \$183 juta termasuk \$88 juta untuk subsidi beras, dan \$50 juta untuk subsidi baja urea telah dikeluarkan daripada Belanjawan 1976;
4. Tidak ada jawatan baharu yang diluluskan dalam Belanjawan 1976;
5. Tidak ada peruntukan yang dibuat untuk perlaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali; dan
6. Belanjawan tahun 1976 tidak mengambil kira sebarang keputusan dasar yang lain yang melibatkan kewangan yang sekarang tidak termasuk di dalam Belanjawan 1976".

Inilah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini berbentuk interim budget. Kita semua faham iaitu di mana-mana negara memang ada mengamalkan Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menambah perbelanjaan negara, jika perlu, tetapi kita berharap pihak Kementerian dan badan-badan Kerajaan yang berkaitan janganlah mengambil kesempatan kuasa-kuasa yang ada kepada Menteri yang berkenaan tanpa memikirkan sebarang rancangan yang lebih serious bagi menentukan masa hadapan perbelanjaan negara kita. Mungkinkah nanti segala tambahan-tambahan yang dikehendaki ini berupa tambahan pinjaman di dalam dan di luar negeri ataupun kelak kenaikan cukai. Kalau beginilah caranya saya berharap pakar-pakar ekonomi yang ada di dalam negara kita pada hari ini eloklah mengadakan satu sikap sedikan payung sebelum hujan, daripada sekarang elok berfikir dengan serious mencari unsur-unsur baru cara mengisi tabung Kerajaan. Dalam perkara ini diharapkan pihak Perbendaharaan hendaklah bersama-sama berunding dengan pihak EPU untuk menyelaraskan

perkara ini. Saya berkata demikian kerana gambaran yang didapati daripada persediaan Ucapan Belanjawan kita seolah-olah tidak ada penyelarasan, tidak ada ko-ordinasi antara pihak Perbendaharaan dengan pihak EPU.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengamalkan dasar penyesuaian (flexibility) dalam dasar Anggaran Belanjawan, 1976 yang juga dasar flexibility inilah juga yang diamalkan oleh parti yang mendukung Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini, bukannya satu amalan, bukannya merupakan satu parti yang dogmatic.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah memohon Dewan menerima dasar ini memandangkan kedudukan ekonomi dunia masih belum boleh ditentukan dengan sepenuhnya. Tetapi, janganlah pula dasar flexibility ini bermakna yang bahawasanya Dewan seolah-olah memberi blank cheque. Saya, Tuan Yang di-Pertua, sentiasa menyokong dasar Kerajaan kita dalam rancangan pembangunannya, tambahan pula Malaysia kita ini adalah sebuah negara yang sedang membangun. Apa yang kita harap-harapkan janganlah untuk melaksanakan dasar pembangunan ini sehingga banyak sangat beban yang dipikul oleh rakyat kita. Misalnya, kerana kita hendak membangun, inflation itu sentiasa ada, kita pinjam wang sehinggakan nilai mata wang kita jatuh. Ini harapan saya, dan ini juga sesuai dan saya sangat setuju dengan dasar yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri minta kita berwaspada bagi melaksanakan tujuan-tujuan baik hasrat yang tulin dasar Kerajaan itu dalam pembangunan negara ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang kita tahu daripada laporan-laporan nampaknya sekarang ini lebih kurang 2/3 pembangunan ekonomi dalam negara kita ini adalah datangnya daripada Belanjawan Kerajaan dan kita semua sedar yang bahawasanya negara kita ini mengamalkan mixed economy dan kita tahu sejak tiga tahun yang lalu peranan pihak swasta dalam pembangunan negara kita telah merosot. Walaupun seperti yang saya terangkan tadi negara kita mengamalkan ekonomi campuran (mixed economy) dan walaupun rayuan-rayuan ataupun ucapan-ucapan yang memberikan jaminan oleh pemimpin-pemimpin negara, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

sendiri seperti yang telah diucapkan yang telah diquote oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu dasar ekonomi negara kita tetap dengan pendiriannya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi seorang sahabat saya dari Mata Kuching telah membacakan Wall Street Journal daripada luar negeri bertarikh 22hb September, 1975 yang mencaci ataupun yang memberi pandangan yang serong, yang tak betul terhadap keadaan negara kita yang sebenarnya. Di sini, saya minta pihak Kerajaan membuat kajian mendalam, sebab kemerosotan yang berlaku di kalangan swasta. Di mana silapnya. Walhal pihak Kerajaan kita telah mengemukakan dan mengadakan berbagai-bagai polisi dengan tujuan yang baik. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan berbagai-bagai kawalan, pihak Kementerian Luar Negeri mengadakan hubungan yang polisi luar kita jelas terang sebagai berkecuali, Kementerian Penerangan mengadakan rombongan-rombongan mengajak, tetapi peranan swasta jelas nampak semakin sehari semakin merosot. Adakah sangkaan mereka, tujuan mereka masuk ke negara kita dahulu tidak memahami index dengan dalamnya dasar ekonomi negara kita, ataupun adakah dalam melaksanakan dasar ekonomi ini ada kekhilapan-kekhilapan yang berlaku yang tidak sempat dibetulkan, ataupun adakah orang-orang ataupun badan-badan yang tertentu sengaja distort dasar ini, sabotaj pelaksanaan pembangunan negara kita? Inilah saya

rasa, yang patut dikaji dengan seriousnessnya peranan swasta, kerana pada hikmat saya untuk melaksanakan rancangan Malaysia Ketiga ini peranan swasta amatlah penting. Kita semua tahu Kerajaan kita telah banyak menjalankan usaha-usaha dan telah banyak menggunakan belanjawan negara dalam pembangunan, tetapi sejauh manakah Kerajaan sahaja yang hendak dibebankan. Se jauh manakah kita boleh tahan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan saya dalam rangka pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga kelak pihak Kerajaan dapat meyakinkan pihak swasta bahawa tanggungjawab samada berjaya atau tidaknya Rancangan Malaysia Ketiga ini sungguh-sungguh berkesan, bukan sahaja terletak tanggungjawab itu kepada pihak Kerajaan, bahkan juga yang lebih penting peranan yang patut diusahakan dan dilaksanakan oleh badan-badan swasta.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.